

Tinjauan

TANDA BACA: SATU SENARIO PEDAGOGIKAL

oleh Mohd. Isa bin Abd. Razak
Jabatan Pengajian Melayu

PENDAHULUAN

Esei ini membincangkan tanda baca dari tiga sudut, iaitu senario umum, tinjauan ringkas penulisan yang berkaitan, dan senario yang terdapat di Maktab Perguruan Keningau (MPKS). Esei ini berupa sebahagian daripada kandungan laporan kajian tindakan tentang tanda baca yang telah dilaksanakan di MPKS. Seramai 83 orang guru pelatih kursus Diploma Perguruan Malaysia (DPM) semester lima yang mengkhusus dalam Pengajian Melayu terlibat dalam kajian itu.

SENARIO UMUM

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* tanda ialah lambang atau simbol yang digunakan dalam tulisan yang mempunyai erti tertentu. Tanda baca pula ditakrifkan sebagai “tanda-tanda dalam tulisan seperti vokal pada huruf Jawi, noktah koma, koma bertitik, dan lain-lain.”

Kemahiran menggunakan tanda baca ialah kebolehan menggunakan noktah, koma dan sebagainya, termasuk penggunaan huruf besar dan huruf kecil, yang sesuai dengan peraturan sesuatu bahasa. Sembilan tanda baca yang kerap digunakan di sekolah rendah ialah noktah atau titik (.), koma (,), tanda koma bertitik (;), tanda tanya (?), tanda seru (!), titik bertindih (:), pengikat kata atau tanda petik (“...”), sempang (-), dan tanda kurung (). Tanda-tanda baca lain yang biasa digunakan ialah tanda petik tunggal (‘...’), tanda sempang (-), tanda pisah (--), tanda elipsis (...), tanda garis miring (/), dan tanda penyingkat ('). Tanda-tanda lain yang selalu kita gunakan ialah tanda tambah (+), tolak (-), tanda darab (x), tanda bahagi dengan (÷), tanda sama dengan (=) dan sebagainya.

Sebenarnya, banyak lagi tanda lain yang digunakan dalam penulisan profesional, seperti dalam bidang sains, matematik, kejuruteraan, astronomi dan geologi. *Gaya Dewan Edisi Ketiga* (1997) menyenaraikan tanda-tanda yang dimaksudkan seperti panah kembar kanan (\Rightarrow), penghasiltambahan (Σ), termasuk dalam (\subset), dan lebih daripada ($>$). Dalam al-Qur'an pula terdapat tanda baca khusus seperti tanda bacaan panjang atau pendek (harakat) dan jenis-jenis hentian (wakaf).

Sumber utama peraturan menggunakan tanda baca untuk bahasa Melayu ialah *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu* (1992). Peraturan yang terdapat dalam buku *Gaya Dewan* (1995) boleh dijadikan pegangan tambahan. Peraturan yang hampir sama terdapat juga dalam buku-buku untuk sekolah rendah, sekolah menengah dan maktab perguruan. Kita juga boleh merujuk sumber-sumber lain seperti buku panduan menulis tesis yang terdapat di pasaran. Walau bagaimanapun, untuk para pelajar dan guru pelatih maktab perguruan, peraturan yang terdapat dalam buku *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu* sesuai dijadikan pegangan. Lazimnya, peraturan yang terdapat dalam buku-buku lain merujuk sumber ini.

Gaya Dewan (1995:64) menyatakan, “Tanda baca sama pentingnya dengan ejaan kerana kedua-duanya menentukan keberkesanan penyampaian mesej penulis kepada pembaca. Penggunaan tanda baca yang tidak tepat akan mengelirukan pembaca.” Hal yang sama ditegaskan oleh Nuwairi (1989), Mohd. Sidin (1992), dan Raminah (1991). Malah, menurut Mohd. Sidin (1992), “Tanda baca sebenarnya adalah suatu sumber artistik. Tanda baca bukan sekadar untuk membantu menyusun frasa dan klausa dengan betul tetapi juga untuk membantu menyatakan sikap kita, perasaan kita, emosi kita, dan juga untuk kejelasan, ketepatan, penegasan, dan sebagainya.”

Di maktab perguruan, *Sukatan Pelajaran Pengajian Melayu DPM* dan *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Dinamika* tidak memperuntukkan tajuk dan masa khusus untuk tanda baca. Namun demikian, tanda baca boleh diserapkan di bawah tajuk atau subtajuk bidang tertentu seperti analisis kesilapan, kajian sukatan pelajaran, penggubalan item ujian dan pengajaran kemahiran menulis secara mekanis. Misalnya, kemahiran tanda baca boleh diberi tumpuan istimewa ketika menghuraikan kemahiran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Apabila membicarakan skema pemarkahan pula, pensyarah boleh memetik skema pemarkahan UPSR dan menonjolkan bahawa satu daripada lima aspek bahasa yang dinilai dalam UPSR ialah tanda baca.

Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah (1995) mengkategorikan kemahiran penulisan dalam tiga kelompok iaitu pratulisan, tulisan mekanis, dan penulisan karangan. Kemahiran menggunakan tanda baca termasuk dalam kelompok kemahiran menulis secara mekanis. Terdapat satu kemahiran khusus tentang tanda baca dalam sukatan pelajaran sekolah rendah iaitu kemahiran *3.10 Menggunakan tanda baca*. Namun demikian, kemahiran tanda baca sebenarnya terdapat dalam hampir kesemua kemahiran menulis secara mekanis dan kesemua kemahiran penulisan karangan. Ini menunjukkan kedudukan istimewa tanda baca dalam kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah. *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah* (1995:9) menyatakan, dalam penulisan murid perlu dapat melahirkan idea dengan menggunakan ayat, tanda baca, ejaan, tatabahasa yang betul, serta tulisan yang jelas

Dalam sukatan pelajaran lama (1981:15) terdapat tiga kemahiran tanda baca, iaitu menggunakan huruf besar dan tanda noktah di tempat yang betul, meletakkan huruf besar yang sesuai pada perkataan-perkataan bagi semua jenis ayat, dan menggunakan tanda baca seperti tanda soal, tanda seru, koma, noktah bertindih dan tanda pengikat kata. Sebagai panduan untuk guru, ketiga-tiga kemahiran ini dijelaskan dalam *Buku Panduan Khas* (BPK), iaitu BPK Tahun 2, Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5. Tiada huraian dalam BPK Tahun 1. Namun demikian, pengajaran untuk Tahun 1 sudah pasti dilaksanakan juga. Setidak-tidaknya murid menggunakan huruf besar dan noktah apabila menulis ayat.

Berbanding BPK Tahun 1 yang tiada mengandungi penjelasan, BPK Tahun 2 memberi penjelasan yang agak terperinci. Lapan aktiviti dicadangkan untuk murid-murid Tahun 2. Selain senarai aktiviti, BPK Tahun 2 juga memberikan dua contoh bahan. Sebaliknya, BPK Tahun 3, 4, 5 dan 6 menyenaraikan aktiviti tanpa contoh. BPK Tahun 3 memuat enam aktiviti, BPK Tahun 4 menyediakan satu aktiviti sahaja, dan BPK Tahun 5 mengemukakan dua aktiviti. BPK Tahun 6 cuma menyenaraikan kemahiran tanpa contoh aktiviti. Namun demikian, berpandukan teknik pengajaran dan pembelajaran yang dilampirkan dalam BPK Tahun 5 dan BPK Tahun 6, penggunaan tanda baca boleh diserapkan dengan beberapa cara. Antaranya ialah menyemak penggunaan tanda baca dalam karangan sendiri yang telah dihasilkan dan menggunakan tanda baca semasa latihan pemahaman.

Himpunan aktiviti yang terdapat dalam BPK adalah seperti yang berikut:

Tahun 2

- Meletakkan tanda baca di tempat yang betul.
- Meletakkan huruf besar pada perkataan tertentu (dihitamkan) dalam teks bacaan yang diberikan.
- Menulis beberapa ayat dengan menggunakan noktah dan huruf besar pada tempat yang sesuai.
- Menulis beberapa ayat daripada petikan yang dibaca dengan menggunakan huruf besar dan tanda noktah di tempat yang betul.
- Mengisi huruf besar pada perkataan yang sesuai dalam ayat tentang peristiwa yang dibincangkan.
- Menulis ayat-ayat mengenai cerita yang telah didengar, dengan menggunakan huruf besar dan noktah di tempat yang sesuai.
- Menyusun perkataan supaya menjadi ayat yang betul serta menulisnya ke dalam buku dengan menggunakan huruf besar di tempat yang sesuai.
- Menulis ayat dengan menggunakan huruf besar dan tanda noktah.

Tahun 3

- Mengisi huruf besar dan noktah pada bahan yang disediakan.
- Menyalin semula ayat yang diberikan dengan menukar huruf kecil kepada huruf besar di tempat yang sesuai.
- Menyalin satu perenggan bacaan dan mengisi tanda baca serta huruf besar di tempat yang sesuai.
- Menyalin cerita syair dalam bentuk prosa dengan mengisi tanda baca yang sesuai.
- Menandakan bulatan pada tanda baca pada bahan kata bual yang disediakan dan menyatakan nama tanda baca tersebut.
- Mengisi tanda baca yang sesuai pada bahan prosa yang mudah.

Tahun 4

- Menyalin ayat-ayat yang diberi oleh guru dengan menggunakan tulisan berangkai dan tanda baca yang betul.

Tahun 5

- Murid menyemak hasil karangan dari segi ejaan, struktur ayat, dan tanda baca.
- Menggunakan tanda baca dalam latihan pemahaman.

Kemahiran khusus tentang tanda baca dalam sukatan pelajaran baharu (1995) pula diperincikan dalam buku *Huraian Sukatan Pelajaran* (HSP). Perincian yang terdapat dalam HSP hampir sama dengan yang terdapat dalam BPK. Dalam HSP Tahun 1, aktiviti yang dicadangkan ialah menyalin ayat yang mudah dan meletakkan tanda baca iaitu koma, noktah, tanda tanya dan huruf besar di tempat yang betul (Contoh 1). Untuk Tahun 2, dua aktiviti dicadangkan, iaitu menggunakan huruf besar, tanda tanya, dan noktah dengan betul dalam ayat (Contoh 2), dan menggunakan koma, noktah, huruf besar, dan tanda seru dengan betul (Contoh 3).

Contoh 1:

emak ke pasar membeli ikan daging dan sayur → Emak ke pasar membeli ikan, daging dan sayur.

Contoh 2:

jali suka minum susu → Jali suka minum susu.

besarkah rumah jamilah itu → Besarkah rumah Jamilah itu?

Contoh 3:

puan zainab ke pasar membeli daging ikan dan sayur → Puan Zainab ke pasar membeli daging, ikan, dan sayur.

antara gunung yang terdapat di malaysia termasuklah gunung kinabalu gunung tahan dan gunung mulu → Antara gunung yang terdapat di Malaysia termasuklah Gunung Kinabalu, Gunung Tahan dan Gunung Mulu.

wah hebatnya persembahan wayang kulit itu → Wah, hebatnya persembahan wayang kulit itu!

Untuk Tahun 3, tiga aktiviti disyorkan. Aktiviti yang pertama ialah meletakkan tanda baca pada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah. Aktiviti yang kedua ialah meletakkan tanda baca pada perenggan yang disediakan. Aktiviti yang ketiga ialah meletakkan tanda baca pada dialog atau lakonan. Untuk Tahun 4, hanya satu aktiviti dicadangkan, iaitu menggunakan tanda baca yang betul seperti noktah bertindih, pengikat kata dan koma bertitik pada petikan yang diberi.

Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Bahasa Melayu merupakan dua mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu (Pemahaman) dan Bahasa Melayu (Penulisan). Sejak UPSR dimulakan pada tahun 1981 sehingga 1998, terdapat sekurang-kurangnya dua item khusus untuk menguji tanda baca daripada 50 item objektif aneka pilihan dalam kertas Bahasa Melayu (Pemahaman). Ini bermakna murid boleh kehilangan 4% markah kertas Bahasa Melayu

(Pemahaman) jika mereka gagal menjawab item tanda baca itu.

Bagi kertas Bahasa Melayu (Penulisan) pula, 20% daripada markah bahagian bahasa, atau 12% daripada markah keseluruhan karangan, disediakan untuk tanda baca. Setiap kesalahan tanda baca akan ditolak setengah markah daripada 25 markah yang diperuntukkan bagi sebuah karangan, sehingga maksimum tiga markah. Oleh sebab murid dikehendaki menulis dua buah karangan, ini bermakna murid boleh kehilangan enam daripada 50 markah (12%). Ketakcekapan menggunakan tanda baca sudah tentu akan mengurangkan kemungkinan murid mendapat gred A bagi kertas Bahasa Melayu (Penulisan).

TINJAUAN PENULISAN

Mohd. Isa, Haradin dan rakan-rakannya (1996) dalam kajian mereka melaporkan, 96% pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di Sabah melakukan kesilapan menggunakan tanda baca, termasuk penggunaan huruf besar/kecil. Dalam ujian yang berbeza di sekolah yang sama, mereka melaporkan 80% pelajar yang sama melakukan kesilapan dalam penulisan huruf besar/kecil.

Azman Wan Chik (1987), dalam kajiannya pula mendapati kekerapan kesilapan tanda baca 75 orang murid tahun lima dan tahun enam di Melaka umumnya melebihi 50%. Secara khusus, peratus kesilapan 40 orang murid dalam kumpulan satu bahasa adalah seperti yang berikut:

- Tidak menggunakan huruf besar pada huruf pertama awal ayat ... 68.83%
- Tidak menggunakan noktah pada akhir ayat (yang bukan pertanyaan atau seruan) ... 65.85%
- Tidak menggunakan koma bagi memisahkan anak kalimat yang mendahului induk kalimat ... 32.93%
- Menggunakan huruf besar pada tempat yang tidak diperlukan ... 29.87%

Menyedari kemahiran menggunakan tanda baca, termasuk penggunaan huruf kecil/besar, telah diajar di sekolah rendah sejak tahun dua, dapatan mereka kelihatan luar biasa. Hal ini membayangkan kurangnya perhatian murid dan guru yang berkenaan terhadap aspek tanda baca semasa di sekolah rendah. Jainabee (1996) mendapati sememangnya penguasaan bahasa di kalangan guru bahasa Melayu pada keseluruhannya adalah pada tahap sederhana.

Menurut, Mohd. Salim Ahmad (1994), aspek tanda baca dan ejaan seolah-olah seperti masalah kecil dalam empat aspek kemahiran bahasa pendidikan Bahasa Melayu di sekolah rendah dan di sekolah menengah. Hal ini menyebabkan para pelajar kurang memberi perhatian terhadap tanda baca dalam penulisan mereka. Guru pula kurang memberi penekanan terhadap tanda baca dalam pengajaran mereka. Jika adapun, pendedahan itu dilakukan secara tidak langsung dalam pengajaran aspek bahasa yang lain.

SENARIO DI MPKS

Tugas asas guru di sekolah rendah ialah mengajar anak didiknya menulis, membaca dan mengira. Dari segi menulis, kemahiran menggunakan tanda baca adalah antara kemahiran asas yang mesti dikuasai. Tanpa kemahiran menggunakan tanda baca, penulisan murid tidak berketentuan. Sebaliknya, jika tanda baca dapat digunakan secara berkesan, murid akan lebih mudah melahirkan fikiran, perasaan dan sikap mereka dengan jelas, tepat dan berkesan.

Sudah pasti guru yang berketerampilan akan berusaha mengelakkan kesilapan walaupun sekecil sebutir titik atau selengkok koma kerana kesilapan sekecil itu berkemungkinan merosakkan sebuah program bernilai berbilion ringgit. Latihan mengesan kesilapan yang sudah dimulakan dalam Semester 3 di maktab perguruan mesti dijadikan amalan. Kebiasaan guru pelatih ini akan menguntungkan murid di sekolah apabila mereka mengajar nanti. Bak kata orang tua-tua: bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Hal ini selari dengan matlamat kurikulum Pengajian Melayu DPM (1996, 1998) untuk melahirkan guru bahasa yang berketerampilan dalam ilmu bahasa, pedagogi, kesusasteraan dan budaya Melayu. Pemantapan ilmu pengetahuan dan kemahiran bahasa semasa di maktab perguruan akan

memungkinkan guru pelatih menjadi pakar rujuk bahasa Melayu yang berwibawa dan mampu mengajar dengan berkesan apabila berkhidmat di sekolah nanti.

Refleksi Guru Pelatih

Refleksi ini dilakukan oleh guru-guru pelatih semester 5 dalam minggu pertama pengajian semester kedua 1998. Kumpulan Pengkhususan Sains dan Pengajian Melayu (SNPM) melakukannya pada 18 Jun 1998, Kumpulan pengkhususan Prasekolah dan Pengajian Melayu (KGPM) dan pengkhususan Pengajian Agama dan Pengajian Melayu (PAPM) melakukannya pada 19 Jun 1998. Guru pelatih diminta menuliskan masalah bahasa yang mereka hadapi sejak berada di maktab ini pada sehelai kertas. Dengan menggunakan lebih kurang 100 patah perkataan sahaja mereka diminta memilih dan membutirkan tidak lebih daripada tiga masalah bahasa dari sudut pandangan diri sendiri.

Kesemua 31 orang guru pelatih kumpulan PAPM menyertai aktiviti ini. Daripada jumlah itu, sembilan orang atau 30% guru pelatih menyatakan mereka menghadapi masalah dalam penggunaan tanda baca. Sebahagian daripada cetusan mereka dipaparkan di bawah ini:

- Guru pelatih 1: "Saya sering menghadapi masalah menggunakan tanda baca."
- Guru pelatih 2: "Antara masalah yang saya hadapi dalam Pengajian Melayu ialah meletakkan tanda baca."
- Guru pelatih 3: "Ada kalanya saya keliru dengan penggunaan tanda baca."
- Guru pelatih 4: "Saya masih keliru tentang penggunaan tanda baca."
- Guru pelatih 5: "Masalah yang sering saya hadapi dalam penulisan esei dan karangan ialah penggunaan tanda baca. Tanda baca yang menimbulkan masalah kepada saya ialah pengikat kata, iaitu di bahagian penutup kata. Perkara yang mengelirukan saya semasa menggunakan tanda baca ini ialah sama ada penutup kata dahulu kemudian noktah ataupun noktah dahulu kemudian penutup kata."

Bagi kumpulan KGPM pula, tiga orang atau 10.3% guru pelatih berhadapan dengan masalah penggunaan tanda baca. Teliti keluhan mereka:

- Guru pelatih 1: "Saya menghadapi masalah aspek tanda baca dan penulisan."
- Guru pelatih 2: "Sehingga kini saya masih tidak dapat menguasai penggunaan tanda baca. Setiap kali berhadapan dengan soalan tanda baca yang terdapat dalam kertas ujian UPSR dan Sekolah Angkat Maktab Perguruan (SAMP), saya cuba menjawabnya. Saya melakukan tiga kesilapan daripada lima soalan. Kesilapan yang sering saya lakukan ialah tanda seru dan koma."
- Guru pelatih 3: "Kadang-kadang saya keliru dari segi penulisan tanda baca, contohnya tanda seru."

Hanya 19 orang guru pelatih kumpulan SNPM mengemukakan coretan mereka. Daripada jumlah itu, dua orang guru pelatih (10.5%) menghadapi masalah tanda baca. Teliti coretan mereka:

- Guru pelatih 1: "Masalah yang dihadapi (ialah) penggunaan tanda baca."
- Guru pelatih 2: "Adakah perlu tanda pengikat kata digunakan untuk menandakan bahasa Inggeris?"

Ujian Khas Tanda Baca

Ujian ini diberikan kepada Kumpulan PAPM 30 Jun 1998, dan Kumpulan KGPM dan SNPM pula diuji pada 2 Julai 1998. Sebagai langkah memastikan kumpulan KGPM dan SNPM tidak bersedia lebih awal, naskah ujian yang diberi kepada kumpulan PAPM dikutip semua dan hanya diberikan semula setelah kedua-kedua kumpulan lain selesai melaksanakan ujian itu. Jumlah guru pelatih yang mengikuti ujian ini ialah 83 orang sahaja: 30 orang PAPM, 27 orang KGPM dan 26 orang SNPM.

Ujian ini mengandungi enam item objektif aneka pilihan (lihat **LAMPIRAN 1**). Item pertama hingga kelima, digubal berdasarkan item UPSR sebenar. Jenis tanda baca,

kedudukannya dalam ayat, pola ayat dan susunan pilihan dikekalkan. Yang diubah ialah perkataan-perkataan yang terdapat dalam ayat. Contohnya:

Item no. 38 UPSR 1992

A “Mamat? Mengapa lewat? Bangun lambat ya!” sindir cikgu Najib.

Item no. 1 SAMP 1998

A “Ugou? Mengapa menangis? Lapar sangat ya!” tanya ibuku.

Lima item mengikut acuan UPSR itu disusun berasaskan yang senang dahulu dan yang susah dikemudiankan. Susunan senang-susah ini berdasarkan satu tinjauan di sebuah sekolah rendah (dinamakan Sekolah X) sebelum UPSR 1997. Hasil tinjauan itu diberikan dalam Rajah 1. Item keenam pula digubal khas dan dijangka melebihi standard UPSR.

Berdasarkan Rajah 1, item yang paling senang ialah item no. 38 UPSR 1992. Purata 55% guru berjaya menjawab dengan betul item ini. Adaptasi item ini dijadikan item no. 1 dalam ujian untuk guru pelatih. Rajah 1 juga menunjukkan item yang paling sukar ialah item no. 5. Purata 13% guru dan murid sahaja berjaya menjawab item ini. Rajah ini juga menunjukkan, prestasi guru dan murid Sekolah X bagi item tanda baca UPSR adalah rendah.

Rajah 1 juga memperlihatkan prestasi guru pelatih bagi enam item yang diuji. Dari suatu segi, prestasi guru pelatih lebih baik berbanding prestasi guru dan murid di Sekolah X. Mereka mengatasi guru dan murid bagi semua item, kecuali item keenam yang tidak diuji kepada guru dan murid. Dari segi yang lain, umumnya prestasi mereka amat rendah. Rajah 2 menjelaskan lagi hal ini. Min KGPM cuma 56.8%, min PAMP cuma 55.6% dan min SNPM cuma 40.4%. Daripada 83 orang guru pelatih yang menyertai ujian ini, cuma dua orang mendapat markah penuh (betul kesemua item). Bagaimanapun, tiada guru pelatih yang salah semua item.

No. Item	Pola UPSR Tahun	Pola UPSR Item	Prestasi Sekolah X	Prestasi Guru Pelatih
1.	1992	38	55%	92.9%
2.	1995	31	44%	57.1%
3.	1996	33	42%	63.1%
4.	1996	34	24%	42.9%
5.	1991	42	13%	45.2%
6.	Digubal khas	-	-	32.1%

Rajah 1: Perbandingan prestasi Sekolah X dengan guru pelatih DPM, MPKS dalam ujian tanda baca.

Skor	PA (%)	KG (%)	SN (%)
6	1 (3.3)	1 (3.7)	0 (0.0)
5	5 (16.7)	3 (11.1)	1 (3.8)
4	8 (26.7)	9 (33.3)	3 (11.5)
3	7 (23.3)	8 (29.6)	9 (34.6)
2	7 (23.3)	5 (18.5)	6 (23.1)
1	2 (6.7)	1 (3.7)	7 (26.9)
0	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)
Jumlah	30 (100)	27 (100)	26 (100)
Min	3.3 (55.6)	3.4(56.8)	2.4 (40.4)

Rajah 2: Perbandingan skor antara kumpulan DPM.

Rajah 3 pula menunjukkan pilihan yang dilakukan oleh guru pelatih bagi setiap item. Sebagai contoh huraian, perhatikan item nombor empat. Seramai 36 orang guru pelatih (42.9%) memilih petunjuk D. Jumlah yang sama memilih pengganggu C. Bakinya memilih

pengganggu A dan B. Merujuk item nombor empat dalam LAMPIRAN 1, kita dapati tanda koma pada pengganggu C berada di luar tanda petik dan pengganggu dipilih oleh 36 orang guru pelatih. Memanfaatkan dapatan ini, isi kandungan rancangan tindakan perlu memberi penekanan kepada penyelesaian masalah penggunaan tanda petik.

	PAPM	KGPM	SNPM	Himpunan
1	A 2 6.5%	0 0.0%	0 0.0%	2 2.4%
	B 1 3.2%	1 3.7%	1 3.8%	3 3.6%
	C* 27 87.1%	26 96.3%	25 96.2%	78 92.9%
	D 1 3.2%	0 0.0%	0 0.0%	1 1.2%
2	A 9 29.0%	9 33.3%	12 46.2%	30 35.7%
	B 1 3.2%	2 7.4%	1 3.8%	4 4.8%
	C 1 3.2%	1 3.7%	0 0.0%	2 2.4%
	D* 20 64.5%	15 55.6%	13 50.0%	48 57.1%
3	A 3 9.7%	1 3.7%	1 3.8%	5 6.0%
	B* 18 58.1%	17 63.0%	18 69.2%	53 63.1%
	C 2 6.5%	1 3.7%	2 7.7%	5 6.0%
	D 8 25.8%	8 29.6%	5 19.2%	21 25.0%
4	A 1 3.2%	0 0.0%	0 0.0%	1 1.2%
	B 10 32.3%	0 0.0%	1 3.8%	11 13.1%
	C 20 64.5%	10 37.0%	6 23.1%	36 42.9%
	D* 0 0.0%	17 63.0%	19 73.1%	36 42.9%
5	A* 16 51.6%	12 44.4%	10 38.5%	38 45.2%
	B 14 45.2%	14 51.9%	16 61.5%	44 52.4%
	C 0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%
	D 1 3.2%	1 3.7%	0 0.0%	2 2.4%
6	A* 6 19.4%	12 44.4%	9 34.6%	27 32.1%
	B 7 22.6%	4 14.8%	1 3.8%	12 14.3%
	C 16 51.6%	9 33.3%	6 23.1%	31 36.9%
	D 2 6.5%	2 7.4%	10 38.5%	14 16.7%

Rajah 3: Analisis pilihan.

Membubuh Tanda Baca pada Wacana

Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh kumpulan PAPM pada 21 Julai 1998, kumpulan SNPM pada 23 Julai 1998 dan kumpulan KGPM pada 24 Julai 1998. Mereka diminta menyalin semula satu wacana tanpa tanda baca yang dituliskan pada papan putih. Kemudian mereka menganalisis kesilapan rakan sekelas. Wacana yang digunakan dipetik daripada buku *Kumpulan Cerpen dan Puisi Pelajar: Indahnya Alamku* susunan Norliyah Jaafar dan Adnan Abdul Majid, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. Teks tanpa tanda baca dan teks asal diterakan di bawah ini:

kalaulah diberi peluang menulis apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak itulah soalan yang menjadi daya penggerak sehingga wujudnya ruangan cerpen pelajar dan puisi pelajar dalam majalah dewan pelajar 1987 sehingga masa kini

Kalaulah diberi peluang menulis, apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak? Itulah soalan yang menjadi daya penggerak sehingga wujudnya ruangan "Cerpen Pelajar" dan "Puisi Pelajar" dalam Majalah Dewan Pelajar 1987 sehingga masa kini.

Rajah 4 menerangkan bilangan guru pelatih yang gagal menggunakan tanda baca dalam wacana yang diberikan. Secara keseluruhan, 64 orang guru pelatih (73.6%) gagal membubuh tanda petik yang betul. Berdasarkan angka ini, boleh dirumuskan masalah utama guru pelatih ialah kurang cekap menggunakan tanda petik. Penguasaan mereka terhadap tanda noktah agak baik. Cuma tujuh orang (8%) gagal menggunakan noktah dalam aktiviti ini.

Kumpulan Jumlah Pelajar	KGPM 27	SNPM 29	PAPM 31	Jumlah 87
Tanda petik	18 66.6%	22 75.8%	24 77.4%	64 73.6%
Huruf	15 55.5%	22 75.8%	19 61.3%	56 64.4%
Koma	10 37%	2 6.9%	6 19.3%	18 20.7%
Tanda tanya	12 44.4%	7 24.1%	8 25.8%	27 31%
Noktah	3 11.1%	3 10.3%	1 3.2%	7 8%

Rajah 4: Kadar kegagalan penggunaan tanda baca.

Berikut disenaraikan kesilapan yang dilakukan oleh guru pelatih. Bahagian yang mengandungi kesilapan ditulis dalam kotak seperti ini:

Kesilapan tanda petik:

- D Tidak membubuh tanda petik pada tempat yang sepatutnya ada tanda petik. Contoh “Cerpén Pelajar” ditulis Cerpén Pelajar.
- D Menggunakan tanda petik tunggal untuk kes yang sepatutnya menggunakan tanda petik. Contoh: “Cerpén Pelajar” ditulis ‘Cerpén Pelajar’.

Kesilapan penulisan huruf:

- D Menggunakan huruf besar pada huruf pertama perkataan yang berada selepas tanda koma yang bukan dialog. Contoh: Kalaulah diberi peluang menulis, Apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak?
- D Menggunakan huruf kecil selepas tanda tanya. Contoh: Kalaulah diberi peluang menulis, apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak? itulah soalan
- D Tidak menggunakan huruf besar pada nama khas. Contoh: Januari ditulis januari, Dewan Pelajar ditulis dewan pelajar.
- D Menggunakan huruf besar pada nama am yang bukan berada pada awal ayat. Contoh: Kalaulah diberi Peluang menulis, apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak?

Kesilapan koma:

- D Meletakkan koma pada tempat yang tidak sesuai. Contoh: Itulah soalan yang menjadi daya penggerak, sehingga wujudnya
- D Tiada koma pada tempat yang sepatutnya dibubuh koma. Contoh: Kalaulah diberi peluang menulis apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak?

Kesilapan tanda tanya:

- D Membubuh noktah selepas tanda tanya. Contoh: Kalaulah diberi peluang menulis apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak?.
- D Tidak membubuh tanda tanya pada akhir ayat tanya. Contoh 1: Kalaulah diberi peluang menulis apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak. Contoh 2: Kalaulah diberi peluang menulis apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak itulah soalan
- D Menjarakkan tanda tanya daripada perkataan sebelumnya. Contoh: Kalaulah diberi peluang menulis apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak ?.

- D Salah tempat tanda tanya. Contoh: Kalaulah diberi peluang menulis apakah yang akan ditulis oleh kanak-kanak itu?

Kesilapan noktah:

- D Tidak membubuh noktah pada akhir ayat penyata.

Bagi aktiviti ini empat orang guru pelatih tidak melakukan sebarang kesilapan.

PENUTUP

Tinjauan ini membuktikan memang terdapat masalah penggunaan tanda baca di kalangan guru pelatih DPM semester 5 (1998) di MPKS. Jelaslah jurang perbezaan antara standard dengan amalan mereka dalam aspek tanda baca ini amat ketara. Juga terdapat jurang perbezaan antara objektif mata pelajaran Pengajian Melayu DPM dengan pelaksanaannya di bilik darjah. Oleh itu, sesuatu tindakan untuk mengatasi perkara ini memang perlu dilakukan.

Lampiran 1

UJIAN TANDA BACA

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

- 1 A "Ugou? Mengapa menangis? Lapar sangat ya!" tanya ibuku.
B "Ugou mengapa menangis? Lapar sangat, ya?" tanya ibuku.
C "Ugou, mengapa menangis? Lapar sangat, ya?" tanya ibuku.
D "Ugou mengapa? Menangis, lapar sangat, ya" tanya ibuku.
- 2 A "Wah! Tebal betul buku yang kaubeli itu," kataku kepada Rosni.
B "Wah! Tebal betul buku yang kaubeli itu!" kataku kepada Rosni.
C "Wah, tebal betul buku yang kaubeli itu." kataku kepada Rosni.
D "Wah, tebal betul buku yang kaubeli itu!" kataku kepada Rosni.
- 3 A Kata Ati kepada ibu, "belikan saya, sekotak disket."
B Kata Ati kepada ibu, "Belikan saya sekotak disket."
C Kata Ati kepada ibu, "Belikan saya, sekotak disket."
D Kata Ati kepada ibu, "belikan saya sekotak disket."
- 4 A "Bapa saya, menghadiri usrah" kata Martini.
B "Bapa saya menghadiri usrah, kata Martini."
C "Bapa saya menghadiri usrah", kata Martini.
D "Bapa saya menghadiri usrah," kata Martini.
- 5 A Kataku kepada abang, "Ini satu cabaran, abang. Tipah tidak menghalang abang hendak bertukar, terpulanglah."
B Kataku kepada abang, "Ini satu cabaran abang. Tipah tidak menghalang abang hendak bertukar. Terpulanglah."
C Kataku kepada abang, "Ini satu, cabaran abang. Tipah tidak menghalang, abang hendak bertukar terpulanglah."
D Kataku kepada abang, "Ini, satu cabaran, abang. Tipah tidak menghalang. Abang hendak bertukar terpulanglah."

- 6 A Tiga buah sajak yang saya maksudkan ialah “Sungai Pampang”, “Anak Babalitan” dan “Bendera Hijau”.
- B Tiga buah sajak yang saya maksudkan ialah, “Sungai Pampang, Anak Babalitan dan Bendera Hijau”.
- C Tiga buah sajak yang saya maksudkan ialah Sungai Pampang, Anak Babalitan dan Bendera Hijau.
- D Tiga buah sajak yang saya maksudkan ialah “Sungai Pampang,” “Anak Babalitan” dan “Bendera Hijau.”

BIBLIOGRAFI

- Azman Wan Chik, 1987. “Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia oleh Murid-Murid Melayu (Satu Kajian) dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader (ed.), 1987. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 208–230.
- Bahagian Pendidikan Guru, 1998. *Sukatan Pelajaran Diploma Perguruan: Pengajian Melayu (Minor)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gaya Dewan Edisi Ketiga*, 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jainabee bt. Md. Kassim et al., 1996. *Penguasaan Bahasa di Kalangan Guru-Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Institut Bahasa.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1981. *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah: Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1983. *Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987. *Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987. *Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990. *Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990. *Kurikulum Baru Sekolah Rendah: Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995. *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah: Bahasa Melayu 1995*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*, 1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Low Kok On. “Penggunaan Tanda Baca: Aspek dalam Bahasa yang Kita Abaikan” dlm. *Pelita Bahasa*, Jilid 9 Bil. 6, Jun 1997, h. 18–20.
- Mahir Publications, 1997. *Koleksi Kertas UPSR Bahasa Malaysia*. Shah Alam: Mahir Publications.
- Mohamad Dahalan bin Mohd. Ramli dan Roshani bt. Abdullah, 1997. *Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid-Murid Tahun 1 dengan Menggunakan Kaedah Asas Gabungan untuk Mengajar Membaca (KAGUMM)*. Kuala Lumpur: Institut Bahasa.
- Mohd. Isa Abd. Razak. “Pemarkahan Karangan Sekolah Rendah” dlm. *Jurnal Keningau*, Bil. 2, Disember 1998, h. 1--8.
- Mohd. Isa bin Abd. Razak dan Haradin bin Mohd. Basri (ed.), 1996. *Mempertingkatkan Kemahiran Menggunakan Huruf Besar di Sekolah Menengah Kebangsaan Kemabong Tenom*. Keningau: Jabatan Bahasa Melayu, Maktab Perguruan Keningau.

- Mohd. Salim Ahmad et. al., 1994. *Penggunaan Tanda Baca dan Ejaan dalam Penulisan Bahasa Melayu*. Banting, Selangor: Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan S.M.K. Telok Datok dlm. Madznych Md. Jaafar, 1995. *Modul Kajian Tindakan*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 53-83.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak, 1992. *Keterampilan Menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al., 1996. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Cetakan keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuwairi Hj. Khazaai, 1989. *Beberapa Bentuk Kesalahan dalam Surat Rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu*, 1992. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 1993. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu SK/SRK Tahun 1*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 1994. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu SK/SRK Tahun 2*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 1995. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu SK/SRK Tahun 3*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 1996. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu SK/SRK Tahun 4*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Raminah Haji Sabran, 1989. *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Raminah Haji Sabran, 1991. *Penilaian dan Pengujian Bahasa Malaysia, Penerapannya pada Peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah, 1985. *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.